


Kolumnis (/kolumnis)
Isnin, 27 Januari 2020 | 9:43am

Cari Kata Kunci



Masyarakat perlu diberi pendedahan kepentingan kebersihan bagi mengelak penyebaran kuman. - Foto hiasan

# Saintis tempatan perlu perjelas wabak coronavirus



Oleh Dr Mohd Hafiz Arzmi

Share

(https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/01/650214/saintis-tempatan-perlu-perjelas-wabak-coronavirus?fbclid=IwAR3CJhgHCOlPXxXdFdZHR69aUrqkJvOmXGQPj_lfvTSrgluXTlgd9WipxcE)

(https://twitter.c
ref_src=twsrc%5Etfw&text=Saintis%20tempatan%20perlu%20perjelas%20wabak%20coronavirus&tw_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/0
tempatan-perlu-perjelas-wabak-coronavirus?fbclid=IwAR3CJhgHCOlPXxXdFdZHR69aUrqkJvOmXGQPj_lfvTSrg

BELUM reda isu influenza, timbul pula masalah kesihatan baharu bawaan coronavirus. Influenza ialah penyakit berpunca daripada jangkitan influenza A virus ataupun H1N1.

Virus itu diklasifikasikan dalam kategori rantaian tunggal ribonuklik asid (ssRNA). Seperti influenza A virus, coronavirus (2019-nCoV) adalah sejenis virus yang terbentuk daripada satu rantaian RNA yang amat mudah termutasi.

Apa yang membezakan antara kedua-dua virus itu adalah kewujudan vaksin di dalam negara di mana bagi influenza A, ia boleh diperoleh di hospital dan klinik dengan segera. Namun, tidak untuk coronavirus 2019-nCoV, di mana sehingga hari ini, masih belum ada lagi vaksin yang ditemui.

Bagi menghasilkan vaksin untuk virus yang baharu ini, kajian yang segera perlu dijalankan bagi memastikan keberkesanan dan keselamatan.

Bagaimanapun, antara halangan utama kepada saintis tempatan untuk turut sama menghasilkan vaksin bagi virus itu ialah kekurangan fasiliti yang mencapai piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Di sebalik kekurangan itu, tentu timbul tanda tanya apakah peranan yang dapat dimainkan oleh saintis tanah air dalam memberikan sumbangan menghadapi wabak seperti coronavirus? Meskipun saintis kita tidak dapat terbabit secara langsung dengan penghasilan vaksin, tentu masih ada banyak peranan lain yang boleh diambil oleh saintis mikrobiologi tempatan.

Pertama, saintis tempatan boleh menjadi penyumbang kepada penulisan ilmiah di media tempatan sama ada konvensional, mahupun digital yang memberikan lebih banyak manfaat kepada rakyat Malaysia.

Ia mengingatkan saya kepada Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak yang beberapa kali menggalakkan saintis tempatan memperbanyakkan penulisan di akhbar di samping jurnal berwasit.

Ini bagi memastikan kajian saintis tempatan turut mendapat manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.

Apatah lagi rakyat yang menjadi penyumbang utama kepada geran dan gaji saintis tempatan melalui cukai yang dibayar setiap tahun.

Selain itu, saintis tempatan perlu berperanan memperbetulkan salah faham khususnya membabitkan bakteria, virus, fungus serta mikroorganisma yang lain. Saintis ialah pakar yang menjadi rujukan pengamal perubatan dan masyarakat amnya.

Di samping itu, saintis tempatan perlu berani keluar daripada kepompong makmal kepada hidup bermasyarakat.

Mereka perlu menggunakan kepakaran yang ada untuk dijadikan topik perbualan bersama masyarakat sekeliling khususnya mengenai kepentingan kebersihan dan etika bersin yang amat penting bagi mengelak penyebaran kuman berbahaya ini.

Dengan sijil pascaijazah asli yang dimiliki, ia secara tidak langsung boleh meyakinkan pendengar khususnya di luar bandar, sekali gus mengubah gaya hidup supaya lebih mementingkan kebersihan dan kesihatan.

Akhirnya, wajar untuk saintis tanah air merenung dan menimbang sama mereka ingin berubah dengan berkhidmat langsung kepada masyarakat ataupun hanya mahu terus kekal mengejar jurnal dan citation (rujukan) yang kelak cuma menguntungkan penerbit makalah semata-mata?

**Penulis adalah Timbalan Presiden Persatuan Oral Mikrobiologi dan Oral Imunologi Malaysia (MySOMOI)**

## Berita Berkaitan









**Perubahan cuaca hujung tahun catat peningkatan kes Influenza (/wanita/sihat/2018/11/503284/perubahan-cuaca-hujung-tahun-catat-peningkatan-kes-influenza)**

(/dunia/amerika/2019/11/623748/kemunculan-semula-demam-campak-lebih-bahaya-penyelidik)

**Vaksin influenza elak jangkitan pada ibu hamil, bayi (/wanita/sihat/2020/01/647759/vaksin-influenza-elak-jangkitan-pada-ibu-hamil-bayi)**

**Kemunculan semula demam campak lebih bahaya - penyelidik (/dunia/amerika/2019/11/623748/kemunculan-semula-demam-campak-lebih-bahaya-penyelidik)**



**Disyorkan untuk anda**

(/wanita/sihat/2020/01/646020/vaksin-influ... demam-selesema-selamatkan)

**Vaksin influenza terbukti hindari komplik... nyawa (/wanita/sihat/2020/01/646020/vaksin-influenza-terbukti-hindari-komplikasi-demam-selesema-selamatkan)**

Recommended by

**New HP Elite Dragonfly**
The world's lightest compact business convertible…
HP Malaysia
(https://googleads.g.doubleclick.net/dbm/clk?sa=L&ai=CV49q_LswXt67Ic2v9gXNwqXwDOCb5Y5bja2G7t0KiOLMxeQIEAEgg_3mH2DLm4KFwBegAdzhmJoDyAEGqAMBqgS5AU_QoR7ewb4ZirwnLD87AhamOxkvgnq... E-K8UI2BYYY5nQjMQgGZ1sIRYx_BXay6iwATN2KPGuwLgBAOQBgGgBjeAB4ye52WoB47OG6gH1ckbqAeT2BuoB7oGqAfy2RuoB-zVG6gHpr4bqAfs1RuoB_PRG9gHAdIIBwiAYRABGB7yCDJiaWRkZXItb3V0YnJhaW5fMDA1N2JlOWEwZWJjODMwOGJiZGFlODk4ZmU3NTQ3ZmNkZrEJW99iQ7OOsDyA... pub-7350897138099958&dbm_c=AKAmf-BPS8FyUBdVnU1X9lipqUyKRRveng4EhXVtRTDTj1_vfDZJk6NddSu3SvPFajCzr5Dxa4mccmIGdLITOsHvEZDI0DEDag&dbm_d=AKAmf-Bjw1opJddDS5WQXuAqKh7dmQaR4XcxfDjmxZyPLGMTYBGoVJdvOlExl3S2rWpjXpFOckdgvJ8ARvpv0ONSxW1KJN5tH81-5F_nim1B4ORVCgtIR8nwcJcu5qg7fUZ4sq9XjI19uMBvy7I0vpw5y_gJpHudRVvrA6MqX6MiX0rNNPft4npM1hk9EhTthiLSq4Kd7kC7UPZfFvxkgS1PrEH338FJfVxgStWdxMC... in-1s/elite-dragonfly-convertible.html?jumpid=ba_h6c2idkw1g&obOrigUrl=true)




**Evaluate Your Car Today For Free!**
Carsome.my
(https://www.carsome.my/?utm_source=Outbrain&utm_medium=Native...&obOrigUrl=true)



**I just do this easy thing every day just before I leave the house.**
www.besthealthadvices.com
(https://campaigns... obOrigUrl=true)



**Affordable SmartWatch Everyone in Malaysia is Talking About**
techgadgetdiscounts.com
(https://trkclk.co/o/xwatch/en/?i=xwatch-hero&t=Affordable+SmartWatch+Everyone... intrests&obOrigUrl=true)



**Wanna Know How Celebrities Have Such White Teeth? You Can Try Yourself**
Next Tech
(https://r.securefunnel.io/6dcc802c-0480-4a45-a574-09b66f77efc5?pub=$origsrcid$&ad=009534f134d0588217...{geo}&obOrigUrl=true)




**Malaysia: New WiFi Booster Stops Expensive Internet**
Next Tech
(https://r.securefunnel.io/c9db9b5b-03b6-480b-97db-3a8a367e7243?pub=$origsrcid$&ad=00afe0e088189a06a7...&section_id=$section_id$&obOrigUrl=true)




**Malaysia: 25 Insanely Cool Products from the USA Finally**
Next Tech
(https://r.securefunnel.io/61ff4690-350d-403c-8a89-eeb75a1ca517?pub=$origsrcid$...&section_name=$section_name$&publisher=$publisher$...)



**Are you looking for a remedy for neck and back pain? Discover NeckMassager.**
Next Tech
(https://r.securefunnel.io/f7a0b297-...{widg}&obOrigUrl=true)

## Disyorkan



**Thailand sahkan enam kes baharu coronavirus**

**(https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2020/01/650699/thailand-sahkan-enam-kes-baharu-coronavirus?utm_source=bh&utm_campaign=recsys&utm_medium=recsys)**



**Manfaatkan sepenuhnya air sepanjang tempoh catuan - Adly Zahari** (https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/01/650614/manfaatkan-sepenuhnya-air-sepanjang-tempoh-catuan-adly-zahari?utm_source=bh&utm_campaign=recsys&utm_medium=recsys)



**'Saya mahu dia jadi lebih baik selepas ini'** (https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/01/650684/saya-mahu-dia-jadi-lebih-baik-selepas-ini?utm_source=bh&utm_campaign=recsys&utm_medium=recsys)



**Ejen Ali The Movie sasar kutipan RM20 juta** (https://www.bharian.com.my/hiburan/wayang/2019/11/630138/ejen-ali-movie-sasar-kutipan-rm20-juta?utm_source=bh&utm_campaign=recsys&utm_medium=recsys)



**Rupa bentuk hospital sudah kelihatan** (https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2020/01/650630/rupa-bentuk-hospital-sudah-kelihatan?utm_source=bh&utm_campaign=recsys&utm_medium=recsys)



**Pindaan Akta 655 bendung pencemaran sumber air** (https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/01/650674/pindaan-akta-655-bendung-pencemaran-sumber-air?utm_source=bh&utm_campaign=recsys&utm_medium=recsys)




**Coronavirus: Singapura sahkan dua lagi kes** (https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2020/01/650701/coronavirus-singapura-sahkan-dua-lagi-kes?utm_source=bh&utm_campaign=recsys&utm_medium=recsys)



**Pos Malaysia keluarkan siri setem Ejen Ali edisi terhad** (https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/12/639537/pos-malaysia-keluarkan-siri-setem-ejen-ali-edisi-terhad?utm_source=bh&utm_campaign=recsys&utm_medium=recsys)



**Penuntut kolej maut nahas** (https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/01/650680/penuntut-kolej-maut-nahas?utm_source=bh&utm_campaign=recsys&utm_medium=recsys)



**Paksa anak saudara lakukan seks oral kerana dendam** (https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/01/650682/paksa-anak-saudara-lakukan-seks-oral-kerana-dendam?utm_source=bh&utm_campaign=recsys&utm_medium=recsys)

# Popular



**'Tiada lagi mesej daripada ayah'** (/hiburan/selebriti/2020/01/650205/tiada-lagi-mesej-daripada-ayah)



**Nad hamil lagi?** (/hiburan/selebriti/2020/01/650326/nad-hamil-lagi)



**'Mana Dafi...?'** **(/hiburan/selebriti/2020/01/650452/mana-dafi)**



**'Anak saya meninggal bukan kerana coronavirus'** **(/berita/nasional/2020/01/650621/anak-saya-meninggal-bukan-kerana-coronavirus)**



**'Lawak' Salah curi tumpuan** **(/sukan/bola/2020/01/650626/lawak-salah-curi-tumpuan)**



**'Saya mahu dia jadi lebih baik selepas ini'** **(/berita/kes/2020/01/650684/saya-mahu-dia-jadi-lebih-baik-selepas-ini)**



**Adik maut, kakak cedera jatuh dari tingkat 4** **(/berita/kes/2020/01/650707/adik-maut-kakak-cedera-jatuh-dari-tingkat-4)**



**Tiga parah diserang babi hutan** **(/berita/kes/2020/01/650712/tiga-parah-diserang-babi-hutan)**




**AS 'kecewa' keputusan UK guna 5G Huawei** **(/dunia/eropah/2020/01/650714/kecewa-keputusan-uk-guna-5g-huawei)**



**Tiga lagi dikesan positif coronavirus** **(/berita/nasional/2020/01/650718/tiga-lagi-dikesan-positif-coronavirus)**

BERITA (/BERITA)
- BHPLUS (/bhplus)
- Nasional (/berita/nasional)
- Kes (/berita/kes)
- Politik (/berita/politik)
- Pendidikan (/berita/pendidikan)
- Wilayah (/berita/wilayah)

## MULTIMEDIA

SUKAN (/SUKAN)
DUNIA (/DUNIA)
HIBURAN (/HIBURAN)
BISNES (/BISNES)
RENCANA (/RENCANA)
WANITA (/WANITA)
HUJUNG MINGGU (/HUJUNG-MINGGU)

## PERKHIDMATAN

FOTO (/FOTO)

BHTV (/BHTV)

## LANGGAN

AKHBAR DIGITAL (HTTP://DIGITAL.NSTP.COM.MY/BH/)

AKHBAR BH (HTTP://DIGITAL.NSTP.COM.MY/NST/INCLUDES/SHOP/LIST_PRODUCTS.JSP?TESTATA=BERBERITA&ID=BERBERITA)

IKLAN WEB (/NODE/466)

1KLASSIFIEDS (HTTP://WWW.1K.COM.MY)

NSTP KLIK (HTTPS://WWW.KLIK.COM.MY/)

HUBUNGI KAMI (/NODE/1451)

SEJARAH (/NODE/467)

REDAKSI (/NODE/468)

DISCLAIMER (/NODE/1453)

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (/NODE/1462)

© 2020 BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group